

# Pesakit Hospital Alexandra dijaga kumpulan kesihatan sama dari mula hingga keluar hospital

Di bawah satu model hospital bersepadu baru yang diperkenalkan buat kali pertama di sini

PESAKIT di Hospital Alexandra akan dijaga kumpulan jagaan kesihatan yang sama, dari mula mereka masuk hingga keluar hospital, di bawah satu model jagaan baru yang sedang dirintis di Singapura buat julung kalinya.

Dipanggil model hospital bersepadu, ia bertujuan memenuhi keperluan kumpulan pesakit warga emas yang semakin ramai dengan lebih baik, yang mana kebanyakannya mengalami pelbagai keadaan kesihatan, lapor *The Straits Times*.

Sejak Jun lalu, 2,500 pesakit diletakkan di bawah model baru itu yang menyepadukan rawatan akut, rawatan sub-akut, pemulihan dan jagaan masyarakat.

Model dihasilkan dengan kerjasama antara Hospital Alexandra, yang merupakan sebahagian Sistem Kesihatan Universiti Nasional (NUHS), Pejabat bagi Transformasi Jagaan Kesihatan Kementerian Kesihatan (MOHT) dan penduduk Queenstown.

Queenstown antara estet yang mempunyai kumpulan warga emas terbesar di bahagian barat Singapura – 19 peratus daripada hampir 100,000 penduduk di situ berusia

65 tahun dan ke atas.

Di Hospital Alexandra, pesakit dijaga oleh kumpulan yang sama diketuai seorang doktor utama dari mereka mula masuk hospital hingga mendapatkan rawatan, menjalani pemulihan dan keluar hospital.

Anggota lain kumpulan itu terdiri daripada jururawat, ahli farmasi, ahli terapi, pakar diet, pakarja sosial perubatan, pengurus jagaan dan pentadhir.

Ini membolehkan mereka membina hubungan lebih baik antara satu sama lain, kata Ketua Eksekutif hospital itu, Profesor Madya Jason Phua.

Doktor utama juga menyelaraskan janji temu rawatan pesakit luar bersama pakar buat pesakit dan menyatukan rancangan jagaan bagi mereka yang mempunyai pelbagai penyakit kronik dalam satu janji temu.

Di bawah model ini, pesakit mendapat rawatan pemulihan di hospital akut berbanding hospital masyarakat dan tidak perlu dipindahkan antara hospital tersebut.

Pada masa depan, rancangannya adalah bagi jagaan akut dan pemulihan dilakukan dalam wad yang sama.



**RAWATAN BERSEPADU:** Ahli fisioterapi, Cik Chua Xing Jun, membantu pesakit, Encik Cheng Yam Kwang, berjalan dalam sekitaran yang menyerupai rumah di Pusat Pemulihan Hospital Alexandra. Di bawah model hospital umum bersepadu baru di hospital tersebut, pesakit dijaga kumpulan jagaan kesihatan yang sama dari mereka mula masuk hospital hingga mendapatkan rawatan, menjalani pemulihan dan keluar hospital. – Foto BH oleh LIM YAOHUI

Di masa depan, ia diharapkan lebih ramai pesakit yang memerlukan jagaan hospital akut, namun bukan rawatan pakar lanjutan boleh diuruskan melalui model hospital bersepadu itu.

Pengarah Eksekutif MOHT, Profesor Tan Chorh Chuan, berkata:

“Mengambil pendekatan seluruh

masyarakat bagi mereka model jagaan adalah penting kerana faktor sosial, tingkah laku dan sekitaran memainkan peranan besar dalam kesihatan dan kesejahteraan pesakit.”

“Justeru, model penyampaian jagaan kesihatan perlu terus disepadukan lebih lanjut dengan sokongan masyarakat dan sumber demi mencapai hasil yang lebih baik,” tam-

bah beliau.

MOHT ditubuhkan Januari lalu bagi menangani isu asas dan jangka panjang yang penting bagi transformasi jagaan kesihatan.

Selain projek itu, pejabat tersebut juga sedang membangunkan cara menjadikan penjagaan lebih tertumpu pada pesakit dan memanfaatkan penggunaan teknologi Internet.